

UMK RESEARCH infolink

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

801 - 1000
FIRST TIME EVER

THE IMPACT
RANKINGS 2021



EXPONENTIAL THINKING FOR
EXPONENTIAL TRANSFORMATION
IN UNIVERSITY MANAGEMENT
M/S 22



PERTANDINGAN SEA SALT 2021:
SESI PEMBENTANGAN PERINGKAT
PERTAMA
M/S 17



SESI PERBINCANGAN KERJASAMA ANTARA
TECHNOLOGY PARK MALAYSIA (TPM) DENGAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)
M/S 6

 tncpi@umk.edu.my

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah

EDITOR BERSEKUTU

Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman
Prof. Madya Dr. Mohammad bin Ismail
Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail
Dr. Shah Iskandar Shah Fahmie bin Ramlee
Dr. Muhammad Akmal bin Remli
Dr. Maryana binti Mohamed
Dr. Ch'ng Huck Ywih
Dr. Adams Adeiza
En. Mohd Aswawi bin Isa

EDITOR

Siti Aisah binti Yusop
Nurrahana binti Hamzah

AHLI

Alifah binti Adnan
Puteri Nurainul Bismi binti Jondi
Nur Athirah binti Mat Yusoff
Muhammad Hafizuddin bin Mat Nawawi
Noorafnie Edura binti Ab Manaf
Ahmad Shazry bin Supi
Tuan Mohd Nizam bin Tuan Mustapha
Nor Syafawati binti Abd Rahman
Nur Rosamimie Farisa binti Mohd Roslan
Wan Nurhayati binti Wan Yusoff
Siti Zaharah binti Arifin

KETUA PENERBIT

Azman bin Hashim

PENGARAH SENI

Yusroyka bin Karim

PEREKA

Mohd Faris bin Fauzi

KANDUNGAN

4	PRA KATA NAIB CANSOLOR
5	SECRET KATA TNCPI
6	PEJABAT TNCPI
7	PENYELIDIKAN
9	KOMERSIALAN & HARTA INTELEK
10	PENERBITAN & PENARAFAN
12	LENSA AKTIVITI
14	JARINGAN INDUSTRI
16	KEUSAHAWANAN
20	AGRO TECHNO PARK
21	CREATIVE TECHNO PARK
22	PUSAT KECEMERLANGAN GERIC
23	PUSAT KECEMERLANGAN InsPeK
25	PUSAT KECEMERLANGAN IFSSA
27	PUSAT KECEMERLANGAN AIBIG



Perutusan **NAIB CANSELOR**

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera,

Tahniah kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) kerana masih menerbitkan Buletin UMK Research Infolink Edisi kali ke-17 (Edisi 2/2021).

Kita kini sedang berada di satu masa yang sangat mencabar dan tidak menentu disebabkan oleh pandemik COVID-19. Namun begitu, strategi yang telah disusun atur oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bagi membantu Universiti meningkatkan imej penyelidikan dan keusahawanan di peringkat nasional dan global tidak terjejas.

Alhamdulillah, di sebalik percaturan tersebut pelbagai kejayaan masih lagi kita kecapai. Universiti juga amat berbangga dengan prestasi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) di atas pencapaian UMK tersenarai kedudukan 801-1000 daripada 1115 Institusi Pengajian Tinggi di dunia untuk 2021 dalam penarafan Times Higher Education (THE).

Kita tidak boleh alpa dengan kejayaan yang telah dicapai dan dibuai suasana semasa. Saya menyeru agar semua warga UMK terus kekal teguh dan memberikan komitmen yang tinggi bagi memastikan UMK mencapai segala visi dan misi yang telah digariskan demi kemajuan pendidikan tinggi negara. In Sha ALLAH.

Sekian, terima kasih.

Y.Bhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi Bin Ismail
Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan



Secret Kata TNCPI

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kekuatan kepada sidang penyunting UMK Research Infolink untuk terus komited dalam menghasilkan edisi Ke-17 atau kedua bagi tahun 2021.

Suku kedua 2021 (April - Jun 2021) mencatatkan banyak memori indah kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) antaranya di atas pencapaian UMK tersenarai dalam penarafan Times Higher Education (THE). Pencapaian terbaik itu merupakan pengiktirafan global dan petanda positif kepada keberkesanan pelbagai inisiatif UMK ke arah menjadi Universiti Keusahawanan terkemuka dunia menjelang 2030.

Selain itu, 12 penyertaan UMK dalam Creation, Innovation Technology & Research Exposition (CITREX) 2021 anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mencatat kejayaan besar apabila UMK telah berjaya memperolehi 11 pingat emas dan satu (1) pingat perak. Malah, UMK turut berjaya membawa pulang satu (1) Anugerah Khas.

Akhir kata, saya berdoa agar warga kerja Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) akan terus kekal bersemangat dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dan meneruskan momentum untuk lebih cemerlang. Tidak lupa juga kepada seluruh warga penyelidik Universiti Malaysia Kelantan untuk mempertingkatkan lagi pencapaian dalam menjayakan agenda penyelidikan dalam apa jua keadaan yang mendatang.

Sekian, terima kasih.

Y.Bhg. Prof. Ts. Dr. Arham Bin Abdullah
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Kelantan

SESI PERBINCANGAN KERJASAMA ANTARA TECHNOLOGY PARK MALAYSIA (TPM) DENGAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

10 Jun 2021 | Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah mengadakan satu perbincangan kerjasama antara Technology Park Malaysia (TPM) yang berlangsung menggunakan medium Microsoft Team. UMK diwakili oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Noor Azizi Bin Ismail, Naib Canselor UMK, Prof. Ts. Dr. Arham Bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof.

Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman, Pengarah Kanan, Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (RMIC) dan Ts. Dr. Maryana Binti Mohamad Nor, Pengarah, Institut Penyelidikan Jaminan Makanan Dan Pertanian Lestari (IFSSA) serta Dr. Anis Amira Binti Ab Rahman, Pengarah, Institut Perusahaan Kecil Dan Sederhana (ISME). TPM diwakili oleh YBrs. Puan. Dzuleira Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Technology Park Malaysia (TPM), Encik Azrai Shuib, Pengurus Besar Inkubasi Perniagaan Teknologi, Pengkomersialan & Pembangunan Teknopreneur dan Encik Muhammad Lofty Abd Karim, Perunding Kanan, MaGIC.



Tujuan perbincangan ini adalah bagi cadangan penubuhan Innovation & Entrepreneur Incubator Centre (IEIC) @ UMK melalui Pusat Kecemerlangan Penyelidikan IFSSA dengan gabungan kerjasama Technology Park Malaysia (TPM). Hasrat universiti untuk membangunkan TPM Nexus Herbal Biotech di dalam UMK Kampus Jeli (Industry@UMK). Ini adalah usaha memberikan perkhidmatan keusahawanan, penyediaan prasarana lengkap dan khidmat perundingan kepada syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta komuniti di negeri Kelantan.

TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN DI LANTIK SEBAGAI MEMBER OF THE APPROVAL COMMITTEE (AM) DAN THE FOUNDING MEMBER FOR HEALTH & WELLNESS, I-CONNECT PROGRAM



BENKEL TAKLIMAT PERMOHONAN GERAN MALAYSIA LABORATORIES FOR ACADEMIA - BUSINESS COLLABORATION (MyLAB) FASA 1/2021

Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) sentiasa mencari peluang-peluang dan inisiatif baharu dalam mempelbagaikan projek penyelidikan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Antara geran penyelidikan yang mempunyai potensi untuk dimohon adalah Geran Malaysia Laboratories for Academia - Business Collaboration (MyLAB) Fasa 1/2021. Geran ini dapat memberi peluang kepada penyelidik untuk bekerjasama dengan industri seterusnya membantu industri dalam permasalahan yang dialami mereka. Sehubungan itu, RMD telah menganjurkan Bengkel Taklimat Permohonan Geran Malaysia Laboratories For Academia - Business Collaboration (MyLAB) Fasa 1/2021 pada 4 Mei 2021 secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet. Bengkel ini telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Abdul Latif Ahmad daripada Universiti Sains Malaysia (USM). Bengkel ini turut disertai oleh penyelidik dari USM dan penyertaan daripada kedua-dua institusi ini adalah sangat memberansangkan. Melalui bengkel ini, penyelidik dapat meningkatkan lagi kefahaman mereka tentang geran ini dan meneroka jaringan industri serta pengalaman baharu di dalam penyelidikan.



15 STAF PENTADBIR DIANUGERAHKAN GERAN PENYELIDIKAN UMK-NICE




Antara inisiatif yang diambil oleh Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) dalam mengimarahkan aktiviti penyelidikan di UMK adalah dengan menawarkan Skim Geran Penyelidikan kepada Staf Pentadbiran (UMK-NICE). Skim Geran Penyelidikan ini disediakan khusus untuk Staf Pentadbiran yang berkhidmat di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melibatkan penyelidikan asas yang boleh menghasilkan teori, konsep dan idea baharu terutama dalam konteks memberi nilai tambah (*value added*) dan kecemerlangan bukan hanya dalam urusan pentadbiran Universiti malah merangkumi pemantapan dalam pembangunan Modal Insan UMK.

Staf yang menerima geran ini boleh menjadikan geran ini sebagai salah satu skop tugas hakiki dan penilaian sasaran kerja tahunan (SKT). Walaubagaimanapun, tawaran geran ini tidak boleh dijadikan sebagai merit kenaikan pangkat. Skim geran ini telah dibuka untuk permohonan pada 4 hingga 26 November 2020 yang lepas melalui sistem RMS. Setiap permohonan telah dinilai oleh penilai yang dilantik dan Ketua Projek perlu membentangkan projek tersebut di Jawatankuasa Penilai UMK-NICE. Skim geran ini telah menarik minat ramai staf dari pelbagai jawatan untuk memohon dan daripada 54 permohonan yang dimohon, seramai 15 orang pentadbir telah dianugerahkan geran tersebut.



KEPUTUSAN PERMOHONAN PPRN 2.0 FASA 1/2021

Antara kejayaan yang dicapai oleh penyelidik di UMK adalah dengan berjaya memperoleh Geran Project Public-Private Research Network (PPRN) 2.0 Fasa 1/2021. Melalui Bengkel Taklimat Permohonan PPRN 2.0 yang telah dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) pada 17 Mac 2021, sebanyak empat (4) projek telah dikenalpasti berpotensi untuk memohon geran tersebut. Setelah melalui proses penilaian dan pemurnian, empat (4) projek ini telah dihantar ke pihak KPT dan daripada jumlah tersebut, sebanyak dua (2) projek telah disenarai pendek untuk pembentangan. KPT telah meluluskan satu (1) projek penyelidikan yang diketuai oleh Dr. Khairiyah Binti daripada Fakulti Industri Asas Tani dengan jumlah peruntukan sebanyak RM47,500. Projek penyelidikan ini diharapkan mampu untuk memberi manfaat kepada penyelidik dan pihak industri di samping membantu menyelesaikan permasalahan yang dialami oleh industri berkenaan.



HEBAHAN: DANA R&D DI BAWAH PROGRAM PEMACU, MOSTI TAHUN 2021

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah melancarkan Malaysia Grand Challenge (MGC) pada 8 Januari 2021 sebagai usaha menggalakkan aktiviti Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I) negara. Sejumlah dana telah diperuntukkan untuk lima (5) Skim Dana Pembiayaan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di bawah Program Dana Pemacu Teknologi Strategik (PEMACU). Bagi memastikan UMK tidak ketinggalan dalam permohonan geran penyelidikan daripada MOSTI, Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) telah mengambil inisiatif dengan membuat hebahan tentang dana ini kepada semua penyelidik di UMK. Permohonan dana ini dibuka sepanjang tahun dan penyelidik yang berminat boleh mengemukakan permohonan secara dalam talian menggunakan Sistem eDana.



11th CREATION, INNOVATION, TECHNOLOGY & RESEARCH EXPOSITION (CITREX) 2021

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah berjaya memperoleh 100% pingat di 11th Creation, Innovation Technology & Research Exposition (CITREX) 2021 anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang diadakan secara dalam talian. Sebanyak 12 penyertaan dari UMK menyertai CITREX 2021 dan UMK telah berjaya memperoleh 11 pingat emas dan satu (1) pingat perak. UMK turut berjaya membawa pulang satu (1) Anugerah Khas pada edisi ke-11 ini. Pengumuman para pemenang diadakan pada 7 April 2021.

ICD TOUR: TAKLIMAT POLISI DAN PROSEDUR PERUNDINGAN



Bahagian Komersialan dan Harta Intelek (ICD) sentiasa mencari inisiatif untuk memastikan pengetahuan dan kefahaman berkaitan polisi serta prosedur yang dibangunkan oleh ICD dapat disampaikan kepada semua staf UMK dengan berkesan. Oleh itu, dengan objektif utama adalah untuk memberi penerangan serta pendedahan kepada pentadbir di peringkat PTj mengenai pengurusan polisi dan prosedur perundangan di UMK, ICD Tour: Taklimat Polisi dan Prosedur Perundangan oleh Pengarah ICD, Prof. Madya Ir. Dr. Julie Juliewatty Binti Mohamed telah diadakan pada 21 Jun 2021 secara dalam talian yang melibatkan Pengarah CoE dan TDPI Fakulti.

Namun, di atas sambutan yang sangat memberangsangkan yang diterima, sesi taklimat ini dibuka untuk semua Dekan Fakulti, Penolong Pendaftar Fakulti serta Pembantu Tadbir atau staf yang membantu urusan pentadbiran penyelidikan di Fakulti/ CoE. Perkongsian yang sangat bermanfaat ini turut menarik minat penyelidik lain untuk turut serta dalam sesi taklimat yang diadakan selama dua (2) jam.

RMIC PUBLICATION TALK 2021: MAKING SENSE IN PUBLISHING

RMIC Publication Talk 2021 merupakan inisiatif Bahagian Penerbitan dan Penarafan (PRD), Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) yang menjadi salah satu platform perkongsian staf akademik yang cemerlang dalam penyelidikan dan penerbitan yang secara tidak langsung akan meningkatkan bilangan penerbitan artikel dalam jurnal berindeks tinggi. Peningkatan kepada penerbitan yang semakin berkualiti ini membolehkan sitasi, faktor impak, H-index dan lain-lain turut meningkat dan sekaligus menaikkan nama staf akademik dan juga universiti khususnya.



Sehubungan itu, PRD telah menganjurkan RMIC Publication Talk 2021: Making Sense in Publishing pada 8 April 2021 (Khamis) yang diadakan secara forum dengan menjemput YBhg. Prof. Dato' Dr. Noor Azizi Bin Ismail, Naib Canselor UMK dan Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah Bin Abdullah, Pensyarah dari Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai Panel manakala YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman, Pengarah Kanan RMIC sebagai Moderator.

**RMIC PUBLICATION TALK 2021:
MAKING SENSE IN PUBLISHING**

PANEL 1
Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi Bin Ismail
Vice-Chancellor
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

PANEL 2
Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah Bin Abdullah
School Of Materials And Mineral Resources Engineering
Universiti Sains Malaysia (USM)

MODERATOR
Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman
Senior Director
Research Management and Innovation Center (RMIC)
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

8 APRIL 2021
10AM - 12PM

FB LIVE UMK

SCAN QR

Organized by: Publication and Rating Division (PRD)

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

Entrepreneurship at Thrust

IGra

#BigUgraUMK Bersama

#OneUMKOneDream
#WeAreUMKFamily

OfficialUMK umk.edu.my

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

MESYUARAT KALI PERTAMA JAWATANKUASA INDUK PENARAFAN UNIVERSITI (JIPEN)



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Malaysia Kelantan (JPU) Bil10/2020 (Kali ke-223) telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Induk Penarafan Universiti (JIPEN). Mesyuarat JIPEN kali pertama telah diadakan pada 26 April 2021 (Isnin) secara dalam talian dan juga secara fizikal.

Ahli jawatankuasa ini terdiri daripada Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pengarah-Pengarah dan Dekan-Dekan fakulti. Terma rujukan bagi jawatankuasa ini adalah membincangkan strategi-strategi penarafan, menyemak kesahihan setiap data dengan memastikan ianya disokong dengan bahan-bahan bukti yang tepat, dan membuat penerangan terperinci ke atas sebarang hasil dapatan atau penolakan data kepada pegawai pengurus/ pemegang data dan data-data yang dibentangkan di JIPEN akan dibawa ke Majlis Kualiti Universiti sebagai makluman.

PENARAFAN DALAM TIMES HIGHER EDUCATION (THE) IMPACT RANKING 2021

Buat julung kalinya Universiti Malaysia Kelantan (UMK) tersenarai pada kedudukan 801-1000 daripada 1115 institusi pengajian tinggi di dunia untuk tahun 2021 dalam penarafan Times Higher Education (THE) Impact Ranking, yang diumumkan pada 21 April 2021. THE Impact Ranking yang diperkenalkan oleh THE mengambil kira petunjuk yang menilai pencapaian universiti berdasarkan 17 Matlamat Pembangunan Lestari yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau lebih dikenali sebagai 17 United Nation's Sustainable Development Goals (SDG).

Prestasi UMK pada THE Impact Ranking ini dinilai berdasarkan pencapaian terbaik di dalam empat SDG di mana UMK menunjukkan prestasi memberangsangkan pada SDG 2 (Zero Hunger) dan SDG 15 (Life of Land) yang berada di kedudukan ke 201–300 manakala untuk SDG 1 (No Poverty) UMK di kedudukan ke 301–400. Sementara itu, UMK dinilai pada kedudukan 401+ untuk SDG 7 (Affordable and Clean Energy) dan SDG 12 (Responsible Consumption and Production). Manakala SDG 11 (Sustainable Cities



and Communities) di kedudukan 601+ dan untuk SDG 4 (Quality Education) di kedudukan 801+. Pencapaian terbaik itu merupakan pengiktirafan global dan petanda positif kepada keberkesanan pelbagai inisiatif UMK ke arah menjadi Universiti Keusahawanan terkemuka dunia menjelang 2030. Inisiatif ini juga adalah selari dengan dasar Kementerian Pengajian Tinggi iaitu University for Society (U4S) yang menekankan bahawa fokus utama universiti juga adalah untuk menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

RMIC PUBLICATION TALK 2021: MAKING SENE IN PUBLISHING



PROGRAM LATIHAN PENDIGITALAN USAHAWAN





LAWATAN URUSETIA MAJLIS KONVOKESYEN UMK KE NURSERI AGRO TECHNO PARK



PROGRAM MOREH IFSSA 1



PROGRAM UMK NEXUS




AKTIVITI TANAMAN ROCK MELON UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) SERTA PENJANAAN PENDAPATAN KEPADA UNIVERSITI




BENKEL PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI (LI)

20 Mei 2021 | Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC) telah mengadakan satu Bengkel Pengurusan Latihan Industri (LI) secara dalam talian. Bengkel ini melibatkan penyertaan seramai 26 orang staf yang terdiri daripada Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar) dan Penyelaras Jaringan Industri daripada setiap Fakulti. Moderator bagi sesi pembentangan *dashboard* ini adalah Encik Wan Azlee Bin Hj. Wan Abdullah, Pengarah Pusat Komputeran dan Informatik. Objektif utama pembangunan Sistem Latihan Industri ini adalah untuk memudahkan pengurusan Latihan Industri (LI) kepada koordinator LI dalam menyampaikan maklumat terkini kepada pelajar berkaitan latihan industri. Selain daripada itu, sistem ini juga akan membantu para pelajar yang akan mengikuti latihan industri untuk membuat carian penempatan LI secara lebih sistematik dan memenuhi keperluan pengajian mereka.



BENKEL PEMANTAPAN MOA, MOU DAN LOI UNIVERSITI

27 Mei 2021 | Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC) telah mengadakan Bengkel Pemantapan MoA, MoU dan Lol Universiti secara dalam talian dan telah dihadiri oleh Penyelaras Jaringan Industri dan Masyarakat Fakulti dan Pusat Tanggungjawab (PJIMF). Pembentangan untuk sistem Dasboard MoA, MoU dan Lol telah disampaikan oleh Encik Wan Azlee bin Hj. Wan Abdullah, Pengarah Pusat Komputeran dan Informatik. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk melihat pelaksanaan dan pembangunan Sistem MoU, MoA, Lol dan lain-lain perjanjian di bawah seliaan CUIC dan Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU).



MESYUARAT PENYELARAS JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT FAKULTI DAN PUSAT TANGGUNGJAWAB (PJIMF) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

27 Mei 2021- Pusat Jaringan Industri Univesiti (CUIC) telah mengadakan mesyuarat bersama Penyelaras Jaringan Industri dan Masyarakat Fakulti dan Pusat Tanggungjawab (PJIMF) secara dalam talian dan telah dipengerusikan oleh yang YBrs. Dr. Shah Iskandar Fahmie bin Ramlee, Pengarah CUIC.

Mesyuarat ini bertujuan untuk membentangkan program yang telah dilaksanakan oleh CUIC sepanjang tahun 2020 serta perancangan aktiviti bagi tahun 2021. Pihak CUIC berhasrat program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tarikh yang telah ditetapkan serta mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak Fakulti dan Pusat Tanggungjawab.

UNIVERSITY FOR SOCIETY (U4S) ZON TIMUR



PERBINCANGAN PROJEK U4S ZON TIMUR

25 Mei 2021 | Perbincangan Projek U4S Zon Timur telah diadakan secara dalam talian bersama Ketua Projek dan sekretariat U4S daripada UMK, UMT, UMP dan UniSZA. Tujuan perbincangan ini adalah untuk mengemaskini status kemajuan projek U4S peringkat Zon Timur bagi bulan Mei 2021.



PERBINCANGAN U4S ZON TIMUR - UMK & UMP

6 Jun 2021 | Perbincangan U4S Zon Timur telah diadakan secara dalam talian bersama Ketua Projek dan sekretariat daripada UMK dan UMP. Tujuan perbincangan ini adalah bagi penyelarasan maklumat projek untuk dibentangkan dalam Mesyuarat U4S Pelaksana Bil.2/2021 pada 15 Jun 2021.



PERBINCANGAN PROJEK U4S ZON TIMUR

8 Jun 2021 | Satu perbincangan projek U4S peringkat Zon Timur telah diadakan secara dalam talian dan telah dihadiri oleh Ketua Projek dan sekretariat U4S Zon Timur. Tujuan perbincangan ini adalah untuk menyelaras gerak kerja bagi penganjuran webinar U4S Siri 3 peringkat Zon Timur yang akan diadakan pada 24 Ogos 2021 dengan kerjasama Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat (BKIM) dan Jabatan Pengajian Tinggi, KPT. Selain daripada itu, perancangan Majlis Pelancaran Projek U4S Zon Timur juga turut dibincangkan dan majlis dijangka akan diadakan pada bulan September 2021 di Setiu, Terengganu.

PROGRAM STUDENT ENTREPRENEUR LEADERSHIP LINK (SELL) TINGKATKAN IMEJ DAN KEMAHIRAN PITCHING USAHAWAN PELAJAR



10 April 2021 (Sabtu) – Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) melalui Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan (CEED) telah memperkenalkan Program Student Entrepreneurship Leadership Link (SELL) khususnya kepada usahawan pelajar di Universiti Malaysia Kelantan. Program secara berfasa ini telah diadakan secara dalam talian dengan penekanan terhadap tiga modul utama iaitu:


- *Leadership & Imej,*
- *presentation skill (business pitching)*
- *dan Coaching & Mentoring*

telah digunakan dalam program ini. Fasa pertama program telah diadakan pada 27 Mac 2021, diikuti dengan fasa kedua iaitu pada 3 April 2021 dan penutup program pada 10 April 2021. Peserta program ini telah dilatih oleh selebriti Puan Sonia Ayesha yang merupakan Chief Executive Officer (CEO) Youthful Sdn Bhd dan juga penyampai berita bahasa inggeris di Bernama dengan dibantu oleh tiga (3) orang mentor dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) iaitu Dr. Nur Syafiqah binti A. Samad, Dr. Nurul Izyan binti Mat Daud dan Puan Norfazlirda binti Hairani. Seramai 30 orang peserta dari ketiga-tiga Kampus Kota, Bachok dan Jeli dalam program ini telah mendapat perkongsian pengalaman dari penceramah yang hebat dan berpengalaman seperti Datuk Dr. Hafsa Hashim, Dr. Afif Bahardin (aktivis masyarakat), Raeesa Sya (CEO, Orkid Cosmetics), Eniza Fasiha (Fouder, The Skinny Bakers) dan juga Kat Duff (*International Programme Director*). Seramai enam (6) orang peserta dari program ini juga telah dipilih untuk menyertai pertandingan National Micropitching Competition anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Teknikal Malaysia (UTEM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan telah berjaya mara sehingga peringkat separuh akhir.

PROJEK UMKNEXUS: SESI PERBINCANGAN BERSAMA USAHAWAN TAMU

29 MEI 2021 (Sabtu) – Perbincangan pertama Projek Pembangunan dan Pengantarabangsaan Syarikat Siswa (UMKNexus) bersama usahawan tamu, Tuan Haji Norizan bin Sharif telah diadakan melalui platform *Google Meet* yang disertai oleh 22 orang peserta yang terdiri daripada pelajar Universiti Malaysia Kelantan. Sesi perbincangan ini juga turut disertai oleh Pengarah Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan, Prof. Madya. Dr. Mohammad bin Ismail bersama 7 orang pensyarah mentor yang diberi tanggungjawab untuk membimbing para peserta terlibat iaitu Puan Fadhilhanim Aryani Binti Abdullah (Fakulti Hospitaliti, Pelancongan Dan Kesejahteraan), Dr. Muhamad Ezran Bin Zainal Abdullah (Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan), Dr. Mohd Ikhwan bin Aziz (Fakulti Keusahawanan Dan Perniagaan), Dr. Yusrinadini Zahirah Bt Md. Isa@Yusuff (Fakulti Keusahawanan Dan Perniagaan), Dr. Sathiswaran A/L Uthamaputhran (Fakulti Keusahawanan Dan Perniagaan), Dr. Nurhanan Binti Abdul Rahman (Fakulti Industri Asas Tani), dan Dr. Noor Raihani Binti Zainol (Fakulti Keusahawanan Dan Perniagaan). Perbincangan kali ini terarah kepada sesi pembentangan dan penerangan daripada usahawan tamu yang dilantik iaitu Tuan Haji Norizan bagi memberi gambaran awal secara keseluruhan kepada para peserta dan pensyarah mentor terlibat berkaitan proses dan keperluan dalam *International Business* atau *International Trade* yang bakal dilalui oleh para peserta dalam usaha untuk memasarkan produk mereka ke luar negara yang menjadi agenda utama projek UMKNexus ini.

Usahawan tamu juga memberi contoh beberapa produk tempatan dan antarabangsa yang telah berada di pasaran Amerika dan mendapat sambutan daripada masyarakat di sana. Ini menyuntik semangat terutamanya kepada pelajar-pelajar UMK yang sebelum ini melihat pemasaran antarabangsa sebagai sesuatu yang mustahil. Hakikatnya, tiada yang mustahil dengan ilmu dan usaha.



PERTANDINGAN SEA SALT 2021: SESI PEMBENTANGAN PERINGKAT PERTAMA

29 Mei 2021 – Pertandingan Social Entrepreneurship Acceleration Coopetition Swiss-ASEAN Learning and Teaching (SEA SALT) 2021 yang memfokuskan kepada keusahawanan sosial ini telah berlangsung dengan sesi pembentangan peringkat pertama telah diadakan melalui platform Zoom Meeting. Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menghantar 6 wakil kumpulan terdiri 13 orang pelajar yang dibantu oleh 8 orang mentor dengan kertas projek (i) *Formulation of Natural Biosoap and Glycerine from Waste Cooking Oil (WCO)*, (ii) projek *Fair Trade Initiative 'Fruit4Thought' for Small Holder Farmers in Rural Area of Kelantan*, (iii) projek *Mambong Pottery, Kuala Krai, Kelantan: Dying Heritage*, (iv) *Gorjus@Bookbites: Health and Environmental Friendly Juice*, (v) projek *Salad Bar by Phytopia* dan (vi) projek *Cheriaty Box Substantial Green Development*. Setelah melalui sesi pembentangan dan penilaian peringkat pertama, 4 kertas projek dari UMK telah berjaya menambat hati panel penilai untuk layak ke peringkat saringan kedua yang dijadualkan berlangsung bermula 15 hingga 23 Julai 2021 secara latihan berpusat atau *Virtual Bootcamp*.

4 Kertas projek berkenaan adalah *Formulation of Natural Biosoap and Glycerine from Waste Cooking Oil (WCO)* diwakili Tan Shi Hui dan Nor Sarah Amira binti Ismail yang merupakan daripada pelajar Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT). Projek kedua yang berjaya adalah projek *Fair Trade Initiative 'Fruit4Thought' for Small Holder Farmers in Rural Area of Kelantan* diwakili pelajar Fakulti Industri Asas Tani (FIAT), Nurul Hasanah Mohd Zaini, Nur Amira binti Azmi dan Nurhazirah Mohd Hussain. Pelajar Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT), Nurul Ainon binti Bakar, Nur Raihan binti Hamizun dan Arman Syafiq bin Azizi juga berjaya ke peringkat seterusnya dengan membawa idea projek keusahawanan sosial *Mambong Pottery, Kuala Krai, Kelantan: Dying Heritage*. Dua (2) orang pelajar dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Mohammad IzzarulHisyam bin Ismail dan Mohammad Farisfahmi bin Mamat pula akan bersama-sama pasukan dari Indonesia dan Vietnam pada peringkat seterusnya.



SEA SALT Coopertition 2021 adalah sebuah program rentas disiplin budaya (*cross-cultural multidisciplinary*) yang memanfaatkan keusahawanan social untuk pembangunan ekonomi. Program ini dianjurkan oleh sebuah badan pertubuhan bukan kerajaan, *Swiss-Asian Learning and Teaching (SALT)* yang berpangkalan di Switzerland. Melalui program ini, pelajar dari seluruh dunia dapat berkumpul, berinteraksi serta bertukar buah fikiran dalam mengembangkan idea keusahawanan sosial mereka yang berpotensi memberi impak positif kepada masyarakat. Peringkat kedua iaitu *Virtual Bootcamp* akan diadakan secara dalam talian manakala peringkat ketiga (akhir) dijadualkan berlangsung pada 29 November 2021 di Manila, Filipina secara maya atau fizikal bergantung kepada situasi pandemik semasa.



BENKEL PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI (LI)

28 April 2021 (Rabu) – Universiti Malaysia Kelantan melalui Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan (CEED), Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) telah berjaya menghantar empat (4) peserta ke pertandingan Malaysia Social Innovation Accelerator Program (MYSIAP) Challenge 2021. UMK mempertaruhkan projek inovasi pelajar tahun akhir dari dua fakulti iaitu dua (2) dari peserta Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) dan dua (2) peserta dari Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT) bagi merebut hadiah berupa geran bernilai RM40,000.00 ringgit. Projek inovasi pelajar yang terlibat adalah seperti gummi cuka rambutan yang diselia oleh Prof. Madya Dr. Seri Intan binti Mokhtar, Biosoap yang diselia oleh Dr. Zubaidah Aimi binti Abdul Hamid, Guajava yang diselia oleh Dr. Khomaizon binti Abdul Kadir Pahirul Zaman dan Massage Bar yang diselia oleh Dr. Siti Nuurul Huda binti Mohammad Azmin. Keempat-empat projek ini telah membuat pembentangan secara dalam talian pada 24 dan 25 Mei 2021 dan telah disenarai pendek dalam 15 projek yang terpilih ke peringkat akhir. Pembentangan peringkat akhir telah diadakan pada 17 Jun dan 18 Jun 2021. Semoga dengan penyertaan dalam pertandingan seperti ini ia akan menjadi dorongan dan semangat kepada pelajar-pelajar lain untuk lebih yakin dalam mengetengahkan produk-produk inovasi yang telah mereka hasilkan ke peringkat yang lebih tinggi.



NAFAS BARU KOPERASI PERINTIS USAHAWAN KELANTAN BERHAD (KPUKB), UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

6 Mei 2021 (Khamis) – Mesyuarat Agung Koperasi Perintis Usahawan Kelantan Berhad (KPUKB) yang dahulunya dikenali sebagai Koperasi Perintis Usahawan Muda UMK buat pertama kalinya diadakan secara dalam talian melalui aplikasi zoom. Mesyuarat Agung yang dihadiri oleh lebih 30 orang ahli dan wakil dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) iaitu En Amizi telah berjalan dengan jayanya. Agenda mesyuarat pertama kali ini adalah untuk melantik Ahli Lembaga Koperasi (ALK) yang baharu dan juga cadangan perubahan dalam Undang-Undang Kecil KPUKB (UKK KPUKB). Kali ini KPUKB mengambil pendekatan dengan melibatkan ALK dalam kalangan pensyarah dan pelajar bagi memastikan aktiviti koperasi berjalan dengan baik. Ahli dalam kalangan pensyarah boleh menjadi mentor atau pembimbing kepada ahli ALK pelajar dalam menerajui aktiviti koperasi tersebut. Antara pensyarah yang terlibat dalam ALK ini termasuklah Dr. Roslizawati binti Che Aziz, Dr. Noor Raihani binti Zainol, Dr. Sitti Fatimah binti Ramle, Puan Fadhilahanim Aryani binti Abdullah dan Puan Nur 'Izzati binti Mohd Amin. Dalam mesyuarat ini juga ALK yang baharu turut membincangkan program atau aktiviti yang akan dijalankan oleh KPUKB bagi memastikan KPUKB kekal aktif. Antara cadangan penambahan program dan aktiviti yang dipersetujui dalam mesyuarat tersebut adalah seperti peruncitan dan pemborongan, perkhidmatan seperti (tiket, dobi, insurans, penyediaan makanan), pertanian, penternakan dan kraf. CEED, UMKEI percaya bahawa nafas baharu yang diberikan dalam KPUKB ini mampu memberi manfaat yang besar dalam pembangunan keusahawanan pelajar di Universiti Malaysia Kelantan.



PANDEMIK COVID-19 BUKA PELUANG PERNIAGAAN YANG LEBIH BAIK KEPADA USAHAWAN PELAJAR FAKULTI SENIBINA DAN EKISTIK

2 Jun 2021 (Rabu) – Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan (CEED), Institut Keusahawanan UMK sentiasa komited dalam menyokong pembangunan keusahawanan pelajar. Menerusi program Bersama Ikon Usahawanan Pelajar kali ini, CEED membawakan ikon usahawan pelajar dari Fakulti Senibina dan Ekistik (FAE) iaitu saudara Muhammad Zulhilmi bin Sidek yang merupakan pelajar Tahun 2 di bawah bimbingan pensyarah mentor Puan Nur 'Izzati binti Mohd Amin. Saudara Zulhilmi menjalankan perniagaan Al Kahfi Exclusive iaitu merupakan salah satu jenama fesyen muslimin yang mengeluarkan produk kurta. Dalam sesi secara langsung menerusi Facebook UMK Rasmi ini, Saudara Zulhilmi turut berkongsi bahawa Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh negara pada masa kini tidak mematahkan semangat beliau untuk terus bergerak aktif dalam dunia perniagaan malah beliau melihat cabaran tersebut merupakan satu peluang dalam perniagaan yang beliau jalankan ini. Memandangkan pembeli pada hari ini lebih memilih untuk membuat pembelian secara dalam talian, Saudara Zulhilmi mengambil peluang ini untuk memperkukuh strategi pemasaran beliau melalui platform media sosial seperti facebook, Instagram, whatsapp, telegram, Tiktok dan Shopee secara konsisten dan ternyata strategi yang beliau gunakan ini dapat meningkatkan hasil jualan dengan baik dan pernah mencecah puluhan ribu ringgit.



30 ORANG USAHAWAN SEKITAR JELI TERIMA MANFAAT PROGRAM LATIHAN PENDIGITALAN USAHAWAN

Seramai 30 orang usahawan telah berjaya menamatkan Program Latihan Pendigitalan Usahawan pada 10 April 2021 (Sabtu) bertempat di Pondok Moden Jeli. Program latihan keusahawanan yang berlangsung selama satu (1) hari itu dirasmikan oleh YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi). Program latihan yang mengandungi lima (5) modul yang disediakan oleh Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME) sebagai penyediaan latihan adalah merangkumi modul yang berkaitan Pendigitalan dan Trend Perniagaan, Platform digital Facebook dan Shopee, Landing Page dan Penjenamaan serta E-book dan Lombong Emas. Program ini adalah kerjasama bersama antara ISME, UMK Business Ventures (UMKBV) dan Majlis Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECER). Antara tujuan utama penganjuran program ini adalah untuk memberi tumpuan kepada para peserta meningkatkan jumlah jualan barangan perniagaan yang diceburi dan mencari peluang baru dalam ekonomi digital. Disamping itu juga para peserta dapat mengaplikasikan platform ini bagi meluaskan lagi pasaran produk mereka. Antara usahawan yang terlibat dengan Program Latihan Pendigitalan Usahawan adalah dalam kalangan usahawan sekitar kawasan Jeli, Bachok, Pasir Puteh dan Tanah Merah.



AKTIVITI PENTERNAKAN ITIK PENELOR UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) SERTA PENJANAAN PENDAPATAN KEPADA UNIVERSITI

ATP JELI, 22 APRIL 2021 – ATP telah mula menjalankan aktiviti penternaan itik penelor jenis *Khaki Campbell* di ATP UMK Kampus Jeli. Sebanyak 100 ekor ternakan itik penelor telah dibawa masuk ke ladang ATP untuk dijadikan rujukan semasa pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar dan pensyarah serta penjana pendapatan kepada universiti.




AKTIVITI TANAMAN ROCK MELON UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) SERTA PENJANAAN PENDAPATAN KEPADA UNIVERSITI

ATP BACHOK, 22 APRIL 2021 – ATP telah mula menjalankan penanaman rock melon variasi "Golden Melon" di UMK Bachok. Sebanyak 370 pokok telah ditanam dengan menggunakan sistem fertigasi (*smart farming*) untuk dijadikan rujukan terhadap pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar dan warga universiti yang ingin mempelajari sistem ini secara teknikal bagi tujuan menambahkan ilmu berkaitan sistem tersebut.



LAWATAN URUSETIA MAJLIS KONVOKESYEN UMK KE NURSERI AGRO TECHNO PARK

ATP BACHOK, 25 APRIL 2021 – Nurseri ATP telah dikunjungi oleh Urusetia Majlis Konvokesyen UMK bertujuan melihat kesesuaian tanaman di Nurseri ATP untuk dijadikan dekorasi Majlis Konvokesyen UMK pada Bulan Oktober hadapan. Selain daripada itu, satu perbincangan ringkas juga telah diadakan di nurseri tersebut terhadap tema dan kesesuaian tanaman/bunga untuk diletakkan di Majlis Konkokesyen tersebut. Kunjungan ini juga telah dihadiri oleh wakil Bahagian Pentadbiran Akademik, 3PI dan wakil FAE yang disambut oleh YBrs. Pengarah ATP.



AKTIVITI JUALAN TELUR ITIK DI UMK JELI DAN DI KAWASAN BERDEKATAN KAMPUS

ATP JELI, 18 MEI 2021 – ATP telah menjalankan aktiviti jualan telur itik di sekitar UMK Kampus Jeli dan kawasan berdekatan. Perkhidmatan secara *cash on delivery* (COD) kepada pelanggan yang berada di sekitar UMK Kampus Jeli diadakan bagi memudahkan urusan jual beli kepada pelanggan dan seterusnya melancarkan jualan hasil telur semasa dalam perintah kawalan pergerakan (PKP) yang sedang berlangsung sekarang ini. Jualan telur itik tersebut mendapat sambutan daripada kakitangan UMK dan masyarakat setempat.

KERJASAMA DENGAN JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA KELANTAN



Pengarah Creative Techno Park (CTP) En. Mohd Aswawi Bin Isa bersama Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negera Kelantan (JKKN) dalam menjayakan program sumbangan kepada Penggiat Seni yang terkesan akibat Covid-19.



KERJASAMA DENGAN JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA KELANTAN



Falsafah dan pemikiran pengkarya Mohd Aswawi bin Isa terhadap dunia seni. Seringkali mengikuti program-program serta pertandingan-pertandingan muzik dan kesenian yang dianjurkan di peringkat daerah, negeri dan juga kebangsaan. Menyedari akan pentingnya keindahan dan kegemilangan seni muzik tradisional Melayu dikekalkan sebagai warisan yang cukup berharga, beliau telah mengambil inisiatif untuk mendalami seni muzik tradisional Melayu terutamanya seni muzik tradisional Kelantan seperti muzik tradisional wayang kulit, mak Yong, silat dan dikir barat. Selain boleh memainkan alatan muzik tradisional seperti serunai, gendang, kompang, rebab, rebana ubi, gamelan dan geduk, beliau juga berkebolehan untuk membuat alat-alat muzik tradisional termasuklah

membuat patung-patung wayang kulit. Sehingga hari ini, telah banyak menghasil dan membekal alat-alat muzik tradisional seperti set dikir barat, set gendang silat, set wayang kulit serta kompang di sekolah-sekolah, institusi pendidikan, dan pejabat-pejabat kerajaan di sekitar negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Perak, Kuala Lumpur dan Langkawi. Antara sumbangannya menubuhkan Kumpulan Muzik Mak Yong, Kumpulan Persembahan Wayang Kulit versi baharu, Kompang Kelantan, Pasukan Gamelan, Kumpulan Dikir Laba, Pasukan Gendang Silat dan menginovasikan satu alat muzik yang diperbuat daripada buluh iaitu gendang kecapi.



PELANTIKAN SEBAGAI PERUNDING PROJEK ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT OLEH PIHAK ASIA PACIFIC ENVIRONMENTAL CONSULTANS SDN. BHD.



PELANTIKAN SEBAGAI PERUNDING PROJEK ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT OLEH PIHAK NILAIMAS SERVICES



EXPONENTIAL THINKING FOR EXPONENTIAL TRANSFORMATION IN UNIVERSITY MANAGEMENT.

3 MEI - Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC) telah menganjurkan program webinar bertajuk "Exponential Thinking For Exponential Transformation in University Management" yang melibatkan semua ketua pusat tanggung jawab di UMK. Webinar ini turut menampilkan tetamu jemputan dari InnoThink Advisory Malaysia, Carol Wong dan Mr. Miguel Angel Rojas, Technology and Innovation Consultant dari Madrid, Sepanyol.



WEBINAR: STRATEGIES ON RESEARCH COLLABORATION SECURING INDUSTRIAL GRANTS

20 APRIL 2021 – YBrs. Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail, Pengarah InsPeK telah dijemput oleh Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi berkongsi ilmu dalam webinar ini. Fokus perkongsian ini adalah berkaitan bekerja bersama dengan industri dalam penyelidikan dan pemindahan ilmu. Selain itu, Pengarah InsPeK juga berkongsi strategi mendapatkan dana industri dan aspek kepimpinan dan *teamwork* dalam memajukan sesebuah organisasi. Pasukan yang mantap sudah tentu akan menghasilkan output yang bernilai demi kesejahteraan dan pembangunan masyarakat, agama dan negara.



MENYANTUNI KELUARGA ASNAF MELALUI PROGRAM "CAKNA SYAWAL InsPeK 2021"

11 MEI 2021 – Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) telah menyantuni keluarga asnaf di Kelantan melalui program "Cakna Syawal InsPeK 2021". Tujuan utama Cakna Syawal InsPeK 2021 adalah untuk menyampaikan sumbangan dan zakat dalam bentuk keperluan dapur serta wang kepada asnaf di Kelantan sempena untuk meraikan kedatangan Syawal. InsPeK telah menerima sumbangan dari pelbagai pihak, termasuklah dari organisasi tertentu dan sumbangan perseorangan. Cakna Syawal InsPeK kali ini melibatkan penyampaian sumbangan kepada 70 keluarga asnaf di tiga jajahan dalam Kelantan iaitu Bachok, Pasir Puteh dan Kota Bharu.



BUAL BICARA KESUKARELAWAN MERENTASI SEMPADAN: MISI PEMBANGUNAN KOMUNITI GLOBAL

22 MEI 2021 – Bual bicara Kesukarelawan Merentasi Sempadan: Misi Pembangunan Komuniti Global anjuran Persatuan Mahasiswa Antropologi dengan kerjasama Sekretariat Rakan Muda UniSZA. YBrs. Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail, Pengarah InsPeK bersama bersama MPP dari UniSZA berkongsi pandangan berkaitan usaha untuk memberi manfaat kepada masyarakat. Bersama panel dari Syria Care (Sdr. Fayyadh Kamaruddin) dan dihoskan oleh pelajar UniSZA.



WEBINAR: FORUM AGENDA PENDIDIKAN DALAM PEMBASMIAN KEMISKINAN PELAJAR ASNAF

07 JUN 2021 – YBrs. Dr. Tuan Muhammad Zukri bin Tuan Sembok, Pasca Doktor InsPeK telah dilantik sebagai panel oleh Sekolah Zakat Kedah, Lembaga Zakat negeri Kedah (LZNK). Webinar ini bertujuan untuk berkongsi pandangan bersama membangunkan pelajar asnaf melalui pendidikan. YBrs. Dr. Tuan Muhammad Zukri telah bergandingan bersama YBrs. Dr. Faisal bin Mustaffa, Ketua Pegawai Operasi, Lembaga Pengurusan Sekolah Zakat Kedah.



BUAL BICARA: PERKONGSIAN PENGALAMAN MENGURUSKAN PERUNDINGAN DENGAN PIHAK INDUSTRI

10 JUN 2021 – YBrs. Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail, Pengarah InsPeK telah mendapat jemputan khas dari Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bagi berkongsi ilmu dalam bual bicara ini. Pengarah InsPeK telah berkongsi pengalaman berkaitan pengurusan perundingan dengan pihak industri. Selain itu, perkongsian juga berkaitan cara yang berkesan untuk mendapatkan dana dari industri mengikut perkembangan semasa negara.



FORUM EKONOMI BELIA MERENTAS ETNIK DI KELANTAN

12 JUN 2021 – Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Kelantan dengan Kerjasama Pusat KOMAS telah menganjurkan Forum Ekonomi Belia Merentas Etnik di Kelantan yang menampilkan pakar-pakar bidang yang menguasai perihal ekonomi dan topik berkaitannya di Kelantan. Antara perspektif yang juga akan dirungkai dalam forum tersebut termasuklah: peluang pekerjaan dan ekonomi untuk rakyat Kelantan - terutamanya untuk belia serta etnik minoriti, akses maklumat yang mencukupi terhadap peluang ekonomi, jurang ekonomi sedia ada, inovasi dalam ekonomi tradisional serta peluang ekonomi baharu pasca pandemik Covid-19. YBrs. Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail, Pengarah InsPeK telah dilantik sebagai panel bagi forum ini.



MALAYSIA SDG WEBINAR: BUILDING BACK BETTER: ERADICATING POVERTY AND PROMOTING INCLUSIVE GROWTH IN RESPONSE TO COVID-19

17 JUN 2021 – InsPeK UMK telah menyertai webinar peringkat Nasional anjuran Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri dengan kolaborasi JEFFREY SACHS CENTRE ON SUSTAINABLE DEVELOPMENT, Sunway University. YB Dato’ Sri Mustapa Mohamed (Menteri di Jabatan Perdana Menteri – Ekonomi) merasmikan program ini dan turut menyampaikan ucap tama. Program bual bicara bertemakan “Building Back Better: Eradicating Poverty and Promoting Inclusive Growth In Response To Covid-19”. InsPeK diwakili oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Azwan bin Abdullah, Ketua Bahagian Jaringan dan Data Raya yang membentangkan kertas kajian yang dilaksanakan oleh kumpulan pakar InsPeK berkaitan kemiskinan situasi.



APPGM – SDG DIALOGUE SERIES: GRASSROOTS COMMUNITY SOLUTIONS FOR SOCIAL MOBILISATION

25 JUN 2021 – Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari - All-Party Parliamentary Group Malaysia on Sustainable Development Goals (APPGM-SDG) mengadakan satu siri dialog “Empowering Grassroots Communities For Social Mobilisation - A Solution- Driven Dialogue” bagi tema Sosial/Kemiskinan & Ketidaksamarataan. Matlamat utama siri dialog ini adalah untuk berkongsi kepada semua berkenaan beberapa projek solusi APPGM-SDG yang telah dijalankan pada tahun 2020 serta pengajaran, pembelajaran, cabaran dan pengalaman yang boleh diambil iktibar oleh kita semua melalui projek-projek tersebut. Cik Nawwal bin Abdul Kadir, selaku Ketua Projek Program Perusahaan Sosial Inoproduk di Sg Rual, Jeli telah terpilih bagi berkongsi dalam sesi bual bicara ini.

UMK Non-Academic Research for Innovation and Creativity Enhancement (NICE) grant

21 April 2021: Puan Siti Zubaidah binti Hamzah, Penolong Pegawai Penyelidik IFSSA telah berjaya memperolehi Skim Penyelidikan UMK Non Academician Research For Innovation and Creativity Enhancement (UMK-NICE) bagi tahun 2021. Tajuk penyelidikan bagi geran ini adalah Stability of Ready-To-Eat Korean Spicy Stir-Fried Chicken (Dakgalbi) Using Retort-Pouch Packaging dengan peruntukan kelulusan sebanyak RM10,000.00.



Sustainable Development Goals (SDG2) Zero Hunger for Contributing to UMK Ranking No. 201-300

April 2021: Buat julung kalinya UMK tersenarai pada kedudukan 800-1000 daripada 1115 institusi pengajian tinggi di dunia untuk 2021 dalam penarafan Times Higher Education (THE) Impact Ranking. Prestasi UMK pada THE Impact Ranking ini dinilai berdasarkan pencapaian terbaik di dalam empat SDG dimana salah satunya adalah pada SDG 2 (Zero Hunger) yang berada di kedudukan ke 201-300.



Artikel IFSSA di Media Massa (BERNAMA) – Peranan Pertanian Bandar Dalam Kelestarian Sekuriti Makanan

3 Jun 2021: Artikel daripada Ts. Dr. Suganthi a/p Appalasaamy, Felo Bersekutu IFSSA telah dipaparkan di dalam keratan Siaran Media BERNAMA dengan tajuk Peranan Pertanian Bandar Dalam Kelestarian Sekuriti Makanan.



WEBINAR: BRUNCH WITH ME – SAFE ACCESS TO NUTRITIOUS FOOD IN ASEAN

25 April 2021: Pengarah IFSSA telah menerima jemputan daripada Thought For Food (TFF) untuk memberi pandangan dan idea serta mempromosikan pengetahuan dan tindakan dari sudut pemakanan khasiat.



Projek Moreh IFSSA dengan kerjasama FIAT

5 Mei 2021: Projek CSR ini merupakan salah satu aktiviti IFSSA di bulan Ramadhan dengan kerjasama Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) dan dibantu oleh Kelab Pascasiswazah UMK Jeli. Sebanyak 200 pek mihun goreng telah berjaya diagihkan kepada pelajar-pelajar di dalam kampus Jeli dan sekitarnya. Segala kerja-kerja memasak dilakukan di Agro-Based Industry Development (ABID).



CSR IFSSA and FIAT – Bridging Food A Day With Farmers

10 – 13 Jun 2021: Program CSR anjuran Fakulti Industri dan Asas Tani (FIAT) dan kerjasama IFSSA adalah merupakan satu program bagi membantu petani yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).






BENKEL PERTAMA PEMBANGUNAN PELAN HALA TUJU ROBOTIK NEGARA

20-21 April 2021 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang membangunkan Pelan Hala Tuju Robotik Negara sebagai rujukan utama peringkat kebangsaan ke arah memacu agenda robotik negara. Pengarah AIBIG dijemput untuk terlibat dengan Bengkel pertama pembangunan Pelan Hala Tuju ini yang diadakan secara dalam talian bagi memberikan input dalam memformulasikan strategi bagi Pelan Hala Tuju tersebut.



PROGRAMMING FOR EVERYONE : INTRODUCTION TO PYTHON COURSE

9 Mei 2021 - Program ini merupakan kursus pertama yang dilaksanakan oleh IR4.0 Competence Centre yang dikendalikan oleh Pengarah AIBIG. Kursus ini terbuka dengan staf dan pelajar UMK dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.



SESI PEMBENTANGAN PROJEK PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

10 Mei 2021 - AIBIG telah menerima enam (6) orang pelajar Latihan Industri daripada UMP (3 orang), UiTM Kota Bharu (1 orang), UKM (1 orang) dan UniMAS (1 orang). Mereka telah di beri projek berkaitan dengan bidang masing-masing. Sesi ini bertujuan untuk mereka membentangkan kemajuan projek mereka.



PERKONGSIAN PENGALAMAN PENGOPERASIAN FAKULTI

10 Mei 2021 - YBrs. Prof. Madya Dr. Ts. Dr. Adzhar Kamaludin, Dekan Fakulti, Komputeran Universiti Malaysia Pahang telah dijemput untuk berkongsi pengalaman, pandangan dan nasihat bagi memperkasakan bidang teknologi maklumat serta pengoperasian fakulti.



1ST ASEFINNOLAB ON UNIVERSITIES' ROLE IN AI INNOVATION ECOSYSTEMS

13 Mei 2021 - Pengarah AIBIG dengan jayanya terlibat dengan program The Asia-Europe Foundation (ASEF). Bengkel yang diadakan secara dalam talian ini berlangsung selama 8 minggu, bermula dari 25 Mac 2021 hingga 13 Mei 2021.

1st ASEFINnoLab telah menjadi satu platform untuk peserta berkongsi pengalaman, memikirkan idea baharu dan meneroka pelbagai ruang untuk kolaborasi dalam pembangunan ekosistem inovasi kecerdasan buatan.



IMPACTS OF IR4.0 ON SCIENCE & TECHNOLOGY (CASE STUDY IN POWER AND ENERGY INDUSTRY)

23 Mei 2021 - YBrs. Dr. Mohd Zamri Bin Che Wanik, Profesor Pelawat AIBIG telah mengadakan webinar bersama pelajar-pelajar UMK yang mengambil subjek Seminar Revolusi Perindustrian 4.0.



TRAINING ON DP-100: DESIGNING AND IMPLEMENTING A DATA SCIENCE SOLUTION ON AZURE

24, 25 dan 27 Mei 2021-Kursus ini dihadiri oleh 3 orang staf UMK secara dalam talian; YBhg. Prof. Dr. Siti Zaiton Bt. Mohd Hashim, YBrs. Ts. Dr. Hadhrami Bin Ab Ghani dan YBrs. Dr. Nurul Izrin Binti Md Saleh.



TRAINING ON AZ-220: MICROSOFT AZURE IOT DEVELOPER

31 Mei – 3 Jun 2021 - Kursus ini dihadiri oleh 3 orang staf UMK secara dalam talian; YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Tan Tse Guan, YBrs. Dr. Hasyiya Karimah Binti Adli dan Encik Khairul Nizar Syazwan Bin Wan Salihin Wong.



TRAINING ON MICROSOFT AZURE ADMINISTRATOR-AZ-104

08 – 11 Jun 2021- Kursus ini dihadiri oleh 2 orang staf UMK secara dalam talian; YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Tan Tse Guan dan YM Tuan Mohd Nizam Bin Tuan Mustapa sebagai persediaan sebagai pentadbir Microsoft Azure yang akan digunakan oleh IR4.0 Competence Centre.



TRAINING - DA-100T00 (VILT) - ANALYZING DATA WITH MICROSOFT POWER BI

21 – 24 Jun 2021 - Seramai 5 orang staf UMK telah hadir ke kursus ini secara dalam talian; YBhg. Prof. Dr. Siti Zaiton Bt. Mohd Hashim, YBrs. Dr. Hasyiya Karimah Binti Adli, YBrs. Dr. Nurul Izrin Binti Md Saleh, Puan Noradilah Binti Ismail dan YM Tuan Mohd Nizam Bin Tuan Mustapa bagi mempelajari Microsoft Power BI selama 4 hari.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

*Entrepreneurship
is Our Thrust*

*Kita
#BinaLegasiUMK
Bersama*

*#WeAreUMKFAMILY
#OneUMKoneDream*



OfficialUMK
umk.edu.my



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Kelantan, Bachok
16300 Bachok, Kelantan

Tel : +609-7797000
Email: tncpi@umk.edu.my

